

BANK ISLAM DIKTIRAF SEBAGAI 2-STAR LISTER DALAM ESG SELECT LIST 2025 UNGCMYB SULUNG

Memperkukuh kekuatan jenama dan mencipta nilai jangka panjang

KUALA LUMPUR, Jumaat, [19 Disember 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) telah meraih pengiktirafan *ESG Select List 2025* oleh Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei (UNGCMYB), sebagai *2-Star Lister* untuk kategori *The North Star ESG Target Setting* dan *Future-Fit & Responsible Workforce*.

Pengiktirafan di bawah kategori *North Star ESG Target Setting* mencerminkan kemajuan boleh ukur dan kukuh Bank Islam dalam memajukan kewangan mampan. Bank Islam telah melepasi sasaran pembiayaan hijau di bawah pelan strategi perniagaan LEAP25 lebih awal yang menetapkan sebanyak RM4 bilion menjelang tahun 2025. Pada 2024, Bank menyusun semula sasaran kewangan mampan 2025 kepada RM28 bilion dan setakat Jun 2025 telah melepasi sasaran baharu tersebut.

Pada masa sama, Bank Islam terus memperkasakan agenda Majikan Pilihan melalui inisiatif seperti Program Pembangunan Automasi Proses Robotik (RPA) BITIZEN yang memupuk budaya tempat kerja berteraskan tanggungjawab, keterangkuman dan pembangunan bakat jangka panjang. Usaha ini turut menyumbang kepada pengiktirafan Bank di bawah kategori *Future-Fit & Responsible Workforce*.

Sijil pengiktirafan tersebut telah diserahkan secara rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, oleh Pengarah Eksekutif UNGCMYB, Faroze Nadar, di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur. Pengiktirafan ini mencerminkan kemajuan berterusan Bank dalam menerapkan amalan bertanggungjawab dan persediaan masa hadapan sebagai sebahagian daripada perjalanan kemampanannya.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, berkata pengiktirafan itu mencerminkan kedudukan Bank sebagai sebuah institusi berdaya tahan dan berpandangan jauh yang menerapkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam strategi terasnya bagi mencapai pertumbuhan mampan, mengukuhkan pengurusan risiko dan mewujudkan nilai jangka panjang bagi pemegang taruh.

"Berpanduan Pelan Hala Tuju dan Strategi Kemampanan serta Lima Komitmen Kemampanan Bank Islam, pengiktirafan ini menyerlahkan komitmen kami untuk menyampaikan nilai berterusan untuk individu, masyarakat dan alam sekitar, dipacu oleh standard ESG yang diiktiraf di peringkat global. Penyertaan dalam *ESG Select List* mengesahkan tumpuan kami untuk membina organisasi yang proaktif, memupuk tenaga kerja bertanggungjawab dan menetapkan sasaran ESG jelas yang menterjemahkan cita-cita kepada hasil yang boleh diukur."

"Bagi Bank Islam, pengiktirafan ini mengukuhkan daya tahan institusi dan meletakkan kami untuk pertumbuhan mampan dalam landskap kewangan yang semakin kompleks. Bagi pelanggan, ia membina kepercayaan dan menyediakan akses kepada penyelesaian

kewangan bertanggungjawab dan inovatif yang disokong oleh etika, kemampanan, prinsip Syariah dan nilai kemasyarakatan. Bagi kakitangan, ia memupuk budaya yang menerapkan hala tuju, kebertanggungjawaban dan pertumbuhan berterusan; sementara bagi masyarakat dan rakan kerjasama kami, ia mencerminkan komitmen untuk mewujudkan nilai-nilai yang dikongsi dan mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon,” katanya.

Penyenaraian Bank Islam dalam *ESG Select List* menandakan tadbir urus yang kukuh dan integrasi kemampanan – faktor penting dalam memastikan prestasi kewangan jangka panjang. Seiring dengan pengakhiran Hala Tuju dan Strategi Kemampanan Bank Islam 2025, Bank sedang memuktamadkan Strategi Kemampanan 2030 baharu di samping Pelan Peralihan Iklim yang komprehensif. Kesemua inisiatif ini digubal bersama untuk mencipta nilai jangka panjang dan memberikan impak positif merentasi kategori yang diiktiraf serta seluruh agenda kemampanan dan iklim.

Mohamed Iran menambah, "Kami mengucapkan terima kasih kepada pelanggan, kakitangan, rakan kerjasama dan pemegang saham atas kepercayaan dan sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi. Keyakinan dan kerjasama yang diberi memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan Bank Islam. Kami bukan sahaja memajukan agenda kemampanan bersama-sama tetapi juga mewujudkan impak bermakna kepada masyarakat dan alam sekitar, sekali gus membina masa depan yang memberi manfaat kepada semua."

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.